

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N40 TELOK BAHANG

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Yang di-Pertua dan pengelola Sidang Muda atas peluang yang diberikan untuk menyertai perbahasan ini. Pembangkang dan kerajaan berpisah tiada, maka marilah kita bersama-sama berhujah demi kemajuan dan kemakmuran Pulau Pinang.

Penang2030 dan Pengangkutan Awam

Dato' Yang di-Pertua,

Ucapan perbahasan saya pada pagi yang mulia ini adalah berteraskan pembangunan pengangkutan awam yang menghubungkan bahagian pulau dan tanah besar Pulau Pinang. Antara inisiatif strategik Penang2030 adalah seperti mengintegrasikan perkhidmatan perbandaran dengan teknologi pintar. Namun demikian, terminal feri yang bawah seliaan Penang Port ini masih tidak membenarkan cara pembayaran pintar seperti sokongan pembayaran "*tap and go*" Kad Debit, Kad Kredit, dan "*E-Wallet*" di pintu masuk ke ruang menunggu terminal feri. Keadaan ini adalah sama situasi di kedua-dua terminal feri, iaitu Pangkalan Sultan Abdul Halim (PSAH) Butterworth dan Pangkalan Raja Tun Uda (PRTU) Georgetown. Walaupun kedua-dua terminal feri telah menjalankan kerja penaiktarafan, tetapi penumpang feri hanya boleh memilih untuk menggunakan kad "*TouchnGo*" untuk mengakses kepada perkhidmatan feri ataupun membeli tiket secara dalam talian ataupun di kaunter pembelian tiket. Ini telah secara tidak langsung menghalang kemudahan pengguna feri sedangkan kebanyakan mereka mempunyai kad debit, kad kredit ataupun "*E-Wallet*" dan biasa menggunakan ia dalam kehidupan harian. Ini juga adalah selaras dengan polisi dan visi Penang2030 dengan memanfaatkan teknologi dan digital untuk mengurangkan birokrasi dan memudahkan kehidupan harian penduduk Pulau Pinang. Oleh itu, selain daripada monopoli cara pembayaran "*TouchnGo*", adakah terdapat cara pembayaran yang lain dibenarkan dengan pemasangan mesin pembayaran di pintu masuk selain daripada penumpang feri perlu memilih alternatif untuk membeli tiket di kaunter tiket

ataupun online sekiranya mereka tidak ingin ataupun tidak akses kepada pembayaran "*TouchnGo*".

Hal ini demikian kerana, ini adalah amat mengehadkan penumpang untuk membuat pilihan pembayaran dan merupakan suatu limitasi kepada penumpang feri yang menghubungkan kedua-dua bahagian di Pulau Pinang. Lagipun, ini merupakan cabaran kepada para pelancong luar negara yang melawat Pulau Pinang sekiranya cara pembayaran kami masih bersifat kolot dan berunsur dominasi. Hal ini merupakan salah satu kekangan kepada sektor pelancongan Pulau Pinang khususnya Pulau Pinang yang berilham untuk menjadi tempat tarikan pelancong domestik dan antarabangsa termasyhur di serantau ini, perlu mempunyai kemudahan yang mesra pengguna dan bukannya membawa langkah birokrasi kepada pengguna.

Lebih-lebih lagi, isu ini dapat diperlihatkan daripada cara pembayaran Rapid Penang, perkhidmatan pengangkutan awam (bus) terbesar di negeri ini. Namun demikian, ini merupakan di bawah bidang kuasa senarai persekutuan kerana syarikat Prasarana. Namun demikian, diharapkan EXCO bidang berkenaan dapat menjadi perhubungan antara negeri dengan persekutuan untuk memajukan isu ini. Hal ini demikian kerana tuan-tuan dan puan-puan, perkhidmatan Rapid Penang pada hari ini masih sahaja menyokong pembayaran kad Pas Mutiara ataupun pembayaran tunai sahaja. Oleh itu, secara tidak langsungnya, kesesakan semasa kenaikan bus sering berlaku disebabkan pembayaran tunai. Perkembangan ini juga membuntutkan usaha pembangunan negeri kami sebagai destinasi pelancongan terkenal di destinasi ini supaya berjaya bersaing dengan negara Thailand, Singapura.

PULAU PINANG

Inisiatif Penang Port pada tahun ini, yang memaklumkan bahawa golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dapat menikmati perkhidmatan tambang feri percuma sebagai tanda keprihatinan terhadap golongan tersebut yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan berkenaan adalah amat dialu-alukan. Diharapkan usaha ini dapat diluaskan ke golongan yang lain juga seperti semua pelajar, tidak kira pelajar sekolah menengah, pra-universiti ataupun universiti yang berada di Pulau Pinang. Hal ini demikian kerana secara tidak langsung, Pulau Pinang telah

menuju ke arah bandar pendidikan sebenarnya dengan penubuhan universiti awam dan universiti swasta serta kolej di seluruh kawasan Pulau Pinang. Contohnya, antara institusi pengajian tersohor termasuk Universiti Sains Malaysia (USM), UOW Malaysia, TARUMT Pulau Pinang, INTI Pulau Pinang dan sebagainya. Hal ini demikian kerana penggunaan pengangkutan bus untuk pulang ke negeri asal mereka ataupun menuju ke bahagian pulau ataupun tanah besar adalah lebih senang dan murah berbanding dengan menggunakan perkhidmatan feri dan kereta api yang dibekalkan oleh syarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Oleh itu, untuk merangsang penggunaan feri dalam kalangan mereka, inisiatif-inisiatif perlu dilakukan.

Sebelum Pulau Pinang dalam proses transformasi ke sebuah bandar pintar yang mempunyai kemudahan pengangkutan pusat yang lengkap dan sempurna, khususnya sebelum permulaan pengangkutan awam LRT Fasa 1 ataupun Fasa 2, pihak kerajaan perlu memfokus kepada pengangkutan awam yang sedia ada supaya semua pengangkutan awam sedia ada ini selalu berada di tahap memuaskan dan canggih berdasarkan perkembangan dan peredaran zaman. Hal ini dapat memudahkan semua pengangkutan awam ini menjalankan kerja perhubungan selepas semua ini siap dibina pada tahun 2030 (jangkaan).

Sekian, terima kasih.

Choo Xuan Ping
N40 Telok Bahang
Sidang Muda 2024

SIDANG MUDA
PULAU PINANG